

aab

Mahathir - Ekonomi

JANGAN BOROS DALAM KEADAAN NEGARA MEWAH SEKARANG, KATA I'M

(Embargo: Untuk siaran selepas pukul 9 malam, 8 Dis.)

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama)-- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat tidak boros berbelanja dalam keadaan mewah yang dinikmati negara sekarang kerana kesan daripada kemlelesetan ekonomi di negara-negara rakan dagangannya akan dirasai oleh Malaysia.

Katanya, Malaysia harus berhati-hati dalam mengurus ekonominya dan tidak menganggap pertumbuhan ekonomi negara akan berkekalan tanpa usaha.

+Saya tidak kata ianya tidak boleh dikekalkan. Ia boleh dikekalkan tetapi usaha dan sikap kita mestilah sesuai dengan pengurusan pertumbuhan ekonomi, +katanya semasa ditemuramah dalam rancangan +Bersama Perdana Menteri+ yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Katanya, walaupun ekonomi dunia merosot, masih ada kemungkinan Malaysia terus dengan pembangunan ekonomi yang pesat terutama dengan mengambil faedah daripada kestabilan politik negara.

Dalam rancangan 55 minit itu, Perdana Menteri sebahagian besarnya bercakap mengenai pengurusan ekonomi negara, pentingnya negara mengawal kos pengeluaran industri agar terus mampti bersaing di pasaran dunia dan nasihatnya kepada rakyat supaya berdisiplin serta mengawal diri daripada berbelanja mengikut nafsu. -- Lagi.

▼08/12/14-07MST

CNS6849

U GB 08-12 00167 HA740

aab

Mahathir-Ekonomi 2 Kuala Lumpur (Embargo)

+Walaupun ada duit, janganlah belanja terlalu banyak. Duit itu harus digunakan sebagai modal untuk dilab-ur. Tetapi orang yang mempunyai duit lebih tertarik hendak membelanjakan duit. Apabila buka syarikat, yang pertama sekali dibeli ialah Mercedes Benz. Inilah yang membawa kerosakan,+ kata Dr Mahathir.

Apabila ditanya mengenai kesan buruk yang mungkin dihadapi rakyat kerana perkembangan ekonomi yang terus menerus pesat, Perdana Menteri berkata, biasanya kalau seseorang itu hidup mewah dia akan menjadi agak terlalu leka dengan anggapan bahawa kemewahannya akan berterusan tanpa usaha.

+Jadi kalau negara kita ini sudah berjaya, mewah, rakyat akan berasa ini adalah perkara biasa dan tidak akan terjejas walau apa yang Xita lakukan.

+Ini satu perkara yang harus kita perhatikan dan kita ambil berat,+ katanya.

Beliau berkata, mereka yang banyak duit berpendapat mereka boleh beli apa sahaja atau import apa sahaja barangan tanpa mengambil kira bahawa ini dengan sendirinya akan menj e j as pertukaran asing negara. -- Lagi.

▼08/12/14-14MST

CNS6876

U GB 08-12 00125 BA741

aab

Mahathir-Ekonomi 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Baik kerajaan mahupun rakyat mestilah berjaga-jaga supaya tidak boros dalam keadaan mewah, tambahnya.

+Kalau ada sikap yang semacam ini, saya berpendapat bahawa kita tidak akan mengalami kemerosotan yang sering berlaku kepada negara yang terlalu maju, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai perlunya rakyat memahami tentang peranan wang sebagai modal untuk meningkatkan kekayaan negara dan bukan semata-mata sebagai alat untuk pertukaran barang.

+Wang adalah modal. Kadang-kadang sesetengah masyarakat tidak faham peranan wang sebagai modal, cuma faham peranan wang sebagai alat untuk pertukaran barang.

Oleh itu, masyarakat yang tidak faham peranan wang sebagai satu modal untuk menambah harta atau kekayaan sukar untuk mencapai kejayaan. -- Lagi.

▼08/12/15-00MST

CMS6904

U GB 08-12 00159 BA742

aab

Mahathir - Ekonomi 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Perdana Menteri berkata kebanyakan orang kampung dan orang bandar membelanjakan duit mereka tanpa dilabur atau untuk masa depan, terutama orang bandar yang kebanyakannya bekerja makangaji.

+Orang yang bekerja makangaji, semua yang dia terima itu adalah untung. Dia boleh belanjakan semua itu kerana dia tidak perlulabur. Pelaburan itu ialah kerja dia, yang dia beri sebagai khidmat.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata kalau mereka yang makangaji boleh belanja RM10,000 yang mereka dapat, penanaman padi tidak boleh belanja semuanya kerana dia kena ada modal untuk dilaburkan.

+Kalau rakyat faham tentang peranan wang ini, dan cara-cara menggunakan wang dengan bijak sana, saya yakin ini boleh membantu ekonomi negara, katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan tidak boleh memperbaiki ekonomi hanya dengan menaikkan faedah bank ataupun menurunkannya seperti juga amalan sesetengah negara yang menurunkan mata wang mereka apabila menghadapi masalah ekonomi. -- Lagi.

▼08/12/15-29MST

aab

Mahathir - Ekonomi 5 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir menolak anggapan bahawa dengan menurunkan mata wang, semua harangan akan menjadi murah.

Menurutnya, yang penting sekali untuk menjaga ekonomi negara ialah produktiviti kerana kalau negara dapat menggunakan wang yang sama bagi mengeluarkan barangan yang lebih melalui peningkatan produktiviti, ekonomi negara akan menjadi lebih baik.

+Inilah yang dicuba oleh kerajaan. Sebab itulah kita selalu menyebut tentang produktiviti kerana ia penting untuk pertumbuhan ekonomi negara, katanya. -- Bernama.

▼08/12/15-29MST